

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perbandingan kos perkhidmatan ETS di negara kita berbanding Singapura, Indonesia dan China.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan *Electric Train Service* (ETS) telah mula diperkenalkan di Malaysia pada Ogos 2010 bagi sektor Kuala Lumpur – Ipoh untuk menggantikan perkhidmatan antara bandar yang menggunakan tren diesel. Kini Perkhidmatan ETS telah diperluaskan dari Gemas ke Padang Besar.
2. Berikut adalah ringkasan kos operasi perkhidmatan ETS oleh KTMB bagi tahun 2016 hingga 2019:

TAHUN	KOS OPERASI (RM JUTA)	KOS OPERASI/PENUMPANG (KM/RM)
2016	116.32	0.13
2017	135.38	0.11
2018	128.61	0.11
2019	143.37	0.13

3. Manakala kadar tambang bagi perkhidmatan ETS bagi tahun 2010 hingga 2019 adalah seperti berikut:

Jenis Perkhidmatan	Tambang Asas/ KM
Platinum	RM0.18
Gold	RM0.13
Silver	RM0.08

4. Walau bagaimanapun, mulai 1 Mac 2020 KTMB telah melaksanakan kadar tambang fleksi yang mana kadar tambang adalah tidak tetap dan bergantung kepada senario pasaran dan pilihan perjalanan penumpang.

5. Kos perkhidmatan ETS di Malaysia tidak dapat dibandingkan dengan kos perkhidmatan Negara China dan Indonesia memandangkan ianya berbeza segmen, sistem, teknologi, jajaran dan sebagainya. Selain itu, perbandingan dengan Negara Singapura juga tidak dapat dilaksanakan kerana tiada perkhidmatan ETS atau yang setara dengannya di Negara Singapura.

Sekian, terima kasih.